

Newspaper

Berita Harian

Date

22 February 2016



Tengku Abdullah diiringi Najib dipakaikan jubah oleh Mohd Khamil sambil disaksikan Prof Clayton (kiri) selepas dilantik sebagai Canselor pada **Majlis Perasmian Universiti Automotif Malaysia DRB-Hicom** di Peramu, Pekan, semalam.

(FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH)

DHU jana tenaga mahir sektor automotif negara

» Kerajaan puji komitmen DRB-HICOM berbelanja besar penuhi keperluan industri

Oleh Abdul Razak Raaff dan Amin Ridzuan Ishak
bhnews@bh.com.my

► Pekan

Penubuhan Universiti Automotif Malaysia DRB-HICOM (DHU) di sini, menjadi pelengkap kepada industri automotif negara menerusi pembangunan modal insan yang mampan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan berbangga dengan komitmen Kumpulan DRB-HICOM yang sanggup berbelanja besar bagi menjana keperluan tenaga mahir apabila institusi pengajian tinggi itu dianugerahkan status universiti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi pada Oktober tahun lalu.

Beliau berkata, kumpulan itu sudah membelanjakan RM350 juta untuk memba-

ngunkan universiti pertama seumpama di rantau ASEAN yang sebelum ini dikenali sebagai Kolej Antarabangsa Automotif (ICAM) sejak lima setengah tahun lalu.

"Kita bangga apabila ada syarikat swasta yang sanggup melabur dana yang besar bagi jana keperluan tenaga mahir untuk keperluan syarikatnya dan keperluan industri automotif dalam dan luar negara... jarang ada syarikat sanggup berbuat demikian.

Labur RM350 juta

"Biasanya mereka menyerahkan tanggungjawab itu kepada kerajaan untuk sediakan kursus dan wujudkan institusi berkenaan. Justeru langkah universiti melaburkan RM350 juta untuk wujudkan universiti ini adalah satu langkah amat disanjung," katanya.

Najib berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian DHU yang disempurnakan oleh Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang mewakili Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Pengarah Urusan Kumpulan DRB-HICOM Berhad, Tan Sri Mohd

Khamil Jamil dan Naib Canselor DHU, Prof Dr Garry James Clayton.

Ahli Parlimen Pekan itu juga berkata, kumpulan DRB-HICOM akan menambah lagi pelaburannya sebanyak RM150 juta menjadikan jumlah keseluruhan dana yang dilaburkan sebanyak RM500 juta bagi meningkatkan kemudahan di universiti berkenaan, termasuk dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri ketika merasmikan Kampus Utama Universiti Malaysia Pahang (UMP), mahu setiap universiti meningkatkan penghayatan pelajar mengenai budaya inovasi, keusahawanan dan komunikasi serta penggunaan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) ke tahap lebih tinggi.

Pupuk budaya inovasi

"Bagi meningkatkan kemampuan dan daya saing modal insan negara, maka perlu tanaam dan pupuk budaya inovasi lebih awal. Dalam lawatan saya ke Lembah Silikon di Amerika Syarikat (AS) minggu lalu, mereka memupuk kemampuan berinovasi dengan sungguh-sungguh.

"Universiti tempatan juga perlu membangunkan budaya ini dalam kampus masing-masing dengan mewujudkan

program seperti inkubator.

"Budaya keusahawanan juga penting kerana ia boleh diajar, dididik dan diberi sokongan dalam aspek berkaitan. Kebolehan berkomunikasi bahasa Melayu dan bahasa antarabangsa dengan tahap tertinggi juga penting untuk negara mencapai wawasan yang dikehendaki," katanya yang turut mengumumkan kampus utama UMP itu sebagai Bangunan Canselori Tun Abdul Razak.

Terdahulu, Najib menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman antara UMP dan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) mengenai jaringan kerjasama strategik berkongsi kepakaran bidang penerbitan, media dan komunikasi untuk meningkatkan hubungan dua hala bagi aktiviti penjenamaan dan Program Khidmat Sosial dan Inovasi (CSI).

UMP diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, manakala NSTP oleh Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Abdul Jalil Hamid.

Najib berkata, kerajaan akan memastikan UMP bersama Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) akan terus kekal sebagai universiti teknikal.

BH-22/2/2016